

Bil. 1

Isnin

16 Mei 2016



MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

*Parliamentary Debates*

## KAMAR KHAS

*Special Chamber*

**PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGAL KEEMPAT  
MESYUARAT KEDUA**

## K A N D U N G A N

### **PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:**

Penyata Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat, Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat – *m.s. 1*

### **UCAPAN DI BAWAH USUL BEKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN P.M (17):**

- Klinik 1Malaysia di Jakar Sarikei dan Masalah Poliklinik Sarikei - *YB. Tuan Wong Ling Bui (Sarikei) – m.s. 2*
- Nasib Penoreh Getah di Kedah Mesti Dibela - *YB. Dato' Johari bin Abdul (Sungai Petani) – m.s. 5*



**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia, P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W., P.G.D.K., J.S.M., J.P.
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran] - UMNO
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N. [Kuala Krau] - UMNO

**MENTERI**

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Orang Kaya Indera Shah Bandar, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K. [Bagan Datok] - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P. [Bentong] – MCA
4. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, P.J.N., K.M.N., P.J.K. [Segamat] - MIC
5. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mah Siew Keong, A.M.P., D.P.M.P., S.M.W [Telok Intan] – GERAKAN
6. “ Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, S.S.A.P, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. [Padang Rengas] - UMNO
7. “ Menteri Pertahanan, Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P., P.N.B.S., D.G.S.M [Sembrong] – UMNO
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Sri Mustapa Mohamed [Jeli] - UMNO
9. “ Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kota Marudu] – PBS
10. “ Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.M.N., A.B.S. [Betong] – PBB

11. Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek [Kemaman] – UMNO
12. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] – UMNO
13. “ Menteri Kewangan II, Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah, S.P.M.P., D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. [Tambun] - UMNO
14. “ Menteri Luar Negeri, Dato' Sri Anifah bin Haji Aman, S.S.A.P., D.I.M.P., P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kimanis] - UMNO
15. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M. [Jerai] - UMNO
16. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, P.S.M., S.S.A.P., S.P.D.K., P.G.D.K., J.P. [Pensiangan] - PBR
17. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Panglima Madius Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K. [Tuaran] - UPKO
18. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Joseph Entulu anak Belaun, P.P.D., P.B.S. [Selangau] - PRS
19. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B. [Batang Lupar] - PBB
20. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S. [Petrajaya] - PBB
21. “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. [Serian] - SUPP
22. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] - UMNO
23. “ Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Haji Idris Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] - UMNO
24. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] - UMNO
25. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low Seng Kuan – *Senator*
26. “ Menteri Belia dan Sukan, Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] - UMNO
27. “ Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K. [Kota Belud] - UMNO

28. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Nancy binti Shukri, K.M.N. [Batang Sadong] - PBB
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Sri Abdul Wahid Omar - *Senator*
30. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M. [Ayer Hitam] - MCA
31. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato’ Seri Hamzah bin Zainudin, S.P.M.P., D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. [Larut] - UMNO
32. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M. [Santubong] - PBB
33. “ Menteri Pendidikan, Dato’ Seri Mahdzir Khalid [Padang Terap] - UMNO
34. “ Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak – *Senator*
35. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Sri Azalina Dato’ Othman Said, D.P.M.K. [Pengerang] – UMNO
36. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Datuk Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. [Tanjong Malim] - MCA

### **TIMBALAN MENTERI**

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [*Kosong*]
2. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Saravanan A/L Murugan [Tapah] - MIC
3. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin, A.D.K., A.S.D.K., J.P., P.G.D.K. [Papar] - UMNO
4. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Razali bin Ibrahim, D.I.M.P., P.K.C. [Muar] - UMNO
5. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] - UMNO
6. “ Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato’ Sri Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. [Mambong] - PBB
7. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Lee Chee Leong - *Senator*

8. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Chua Tee Yong, D.P.S.M. [Labis] - MCA
9. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun [Beaufort] – UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Yahaya [Balik Pulau] – UMNO
11. “ Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, P.J.N., P.I.S. [Tenggara] – UMNO
12. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi, P.J.N., A.M.N., P.I.S. [Sri Gading] – UMNO
13. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Kosong]
14. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan – *Senator*
15. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasir Salak] – UMNO
16. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri, K.M.N., P.P.N. [Ledang] – UMNO
17. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan, K.M.N., P.J.K., P.M.W. [Hulu Selangor] – MIC
18. “ Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Jailani bin Johari, D.S.M.Z., D.I.M.P. [Hulu Terengganu] – UMNO
19. “ Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., J.P. [Tawau] – PBS
20. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, , S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P. [Maran] – UMNO
21. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit] – PBB
22. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah, D.M.S.M. [Tangga Batu] – UMNO
23. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun – *Senator*
24. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Wira Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., J.P., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K. [Kubang Pasu] – UMNO

25. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Mas Ermeyati binti Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B., D.M.S.M [Masjid Tanah] – UMNO
26. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, P.G.D.K. [Pulai] – UMNO
27. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Asyraf Wajdi bin Dato’ Dusuki – *Senator*
28. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Tuan Chong Sin Woon – *Senator*
29. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Seri Reezal Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] – UMNO
30. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N. [Machang] – UMNO
31. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Masir Anak Kujat, P.P.B. [Sri Aman] – PRS
32. “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Johari bin Abdul Ghani, P.J.N., D.S.I.S. [Titiwangsa] - UMNO
33. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading] – SPDP

#### **AHLI-AHLI (BN)**

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang, P.J.N. [Kanowit] - PRS
2. “ Dato’ Abd. Aziz Sheikh Fadzir, D.S.M.S. [Kulim-Bandar Baharu] - UMNO
3. “ Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad, D.M.S.M, S.S.A.P, P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] - UMNO
4. “ Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P., S.P.D.K. [Baling] - UMNO
5. “ Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh, P.G.D.K., J.P. [Kalabakan] – UMNO
6. “ Dato’ Abdul Manan Ismail, D.I.M.P., P.K.C. [Paya Besar] - UMNO
7. “ Dato’ Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] – UMNO
8. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat] - UMNO
9. “ Datuk Haji Abdul Wahab bin Haji Dolah, J.B.K., P.G.B.K [lgan] - PBB

10. Yang Berhormat Dato' Ahmad Fauzi Zahari, D.P.T.J. [Setiawangsa] - UMNO
11. “ Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K. [Jasin] - UMNO
12. “ Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang, J.B.K., P.B.S., A.B.S. [Sibuti] - PBB
13. “ Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] - UMNO
14. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [Keteroh] - UMNO
15. “ Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] - UMNO
16. “ Tuan Anyi Ngau [Baram] - SPDP
17. “ Datuk Bung Mokhtar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K. [Kinabatangan] - UMNO
18. “ Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh, A.M.N., P.S.K. [Setiu] - UMNO
19. “ Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur, P.G.D.K. [Silam] – UMNO
20. “ Datuk Dr. Ewon Ebin, P.G.D.K [Ranau] - UPKO
21. “ Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] - PBB
22. “ Dato' Hasbullah bin Osman, D.P.M.P., A.M.P., J.P. [Gerik] – UMNO
23. “ Dato' Hasan bin Arifin, D.S.A.P. [Rompin] – UMNO
24. “ Dato' Sri Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., D.S.A.P [Kuala Pilah] - UMNO
25. “ Dato' Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas] - PBB
26. “ Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P [Tanah Merah] - UMNO
27. “ Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim, D.I.M.P., J.M.N., K.M.N., B.C.M., P.B.B., P.J.P., J.P. [Kuala Selangor] - UMNO
28. “ Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok] - UMNO
29. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.M.N., J.P., S.P.D.K., S.S.A.P., P.N.B.S., P.G.D.K. [Keningau] - PBS
30. “ Datuk Joseph Salang anak Gandum, D.S.P.N., A.M.N. [Julau] - PRS
31. “ Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar] - UMNO
32. “ Datuk Juslie bin Haji Ajirol, P.G.D.K., A.S.D.K. [Libaran] - UMNO
33. “ Datuk Koh Nai Kwong, D.M.S.M., D.S.M., B.C.M., P.J.K. [Alor Gajah] - MCA

34. Yang Berhormat Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] - MCA
35. “ Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] - GERAKAN
36. “ Datuk Linda Tsen Thau Lin, J.M.N. [Batu Sapi] - PBS
37. “ Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik] - UMNO
38. “ Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. [Putatan] - UPKO
39. “ Dato’ Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh, P.J.K., K.M.N. [Sabak Bernam] - UMNO
40. “ Tan Sri Mohd. Isa bin Abdul Samad, S.U.M.W., S.P.N.S., P.S.M., D.S.N.S., P.M.C. [Jempol] – UMNO
41. “ Dato’ Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K., D.S.A.P., D.M.S.M., J.P. [Semporna] - UMNO
42. “ Dato’ Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. [Parit] - UMNO
43. “ Dato’ Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. [Mukah] – PBB
44. “ Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. [Pagoh] - UMNO
45. “ Dato’ Ir. Nawawi bin Ahmad, D.S.D.K., A.M.K., B.K.M. [Langkawi] - UMNO
46. “ Datuk Seri Haji Noh bin Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. [Tanjong Karang] - UMNO
47. “ Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] - UMNO
48. “ Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid, D.P.S.M. [Kota Tinggi] - UMNO
49. “ Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis] - PBB
50. “ Dato’ Noraini binti Ahmad, D.S.A.P., D.M.S.M. [Parit Sulong] - UMNO
51. “ Puan Hajah Normala binti Abdul Samad, A.M.N. [Pasir Gudang] - UMNO
52. “ Dato’ Wira Othman bin Abdul, D.G.M.K., D.S.S.A., S.D.K., A.M.K. [Pendang] - UMNO
53. “ Dato’ Othman bin Aziz, D.S.D.K., B.K.M., A.S.K. [Jerlun] – UMNO
54. “ Datuk Seri Palanivel A/L K. Govindasamy, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. [Cameron Highlands] - MIC
55. “ Datuk Raime Unggi, P.G.D.K. [Tenom] - UMNO
56. “ Datuk Rozman bin Isli, K.M.W, P.P.N [Labuan] - UMNO

57. Yang Berhormat Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] - PBB
58. “ Datuk Sapawi bin Haji Ahmad, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Sipitang] - UMNO
59. “ Datuk Shabudin bin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] - UMNO
60. “ Ir. Shaharuddin bin Ismail, P.M.P., P.J.K. [Kangar] - UMNO
61. “ Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad, P.S.M., S.U.M.W. [Johor Bahru] - UMNO
62. ” Dato’ Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] - UMNO
63. “ Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor, D.G.S.M., D.S.A.P., D.S.N.S. [Tampin] - UMNO
64. “ Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] - UMNO
65. “ Dato’ Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P. [Bintulu] - SPDP
66. “ Datuk Wilson Ugak anak Kumbong, P.J.N. [Hulu Rajang] - PRS
67. “ Datuk Wee Jeck Seng, D.M.S.M. [Tanjong Piai] - MCA
68. “ Datuk William @ Nyallau anak Badak, P.B.B., P.P.S. [Lubok Antu] - PRS
69. “ Tan Sri William Mawan Ikom, P.S.M., P.N.B.S., P.G.B.K., A.M.N., P.B.S [Saratok] - SPDP
70. “ Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] - UMNO
71. “ Dato’ Haji Zainudin bin Haji Ismail, A.N.S., P.M.C., P.J.K. [Jelebu] – UMNO
72. “ Kuala Kangsar [*Kosong*]
73. ” Sungai Besar [*Kosong*]

#### **AHLI-AHLI (PKR)**

1. Yang Berhormat Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]
2. “ Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]
3. “ Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]
4. “ Dato’ Fauzi bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. [Indera Mahkota]
5. “ Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]
6. “ Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]
7. “ Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]

8. Yang Berhormat Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]
9. “ Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]
10. “ Dato’ Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani]
11. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M. [Tumpat]
12. “ Dato’ Kamarul Baharin bin Abbas, D.S.S.A. [Telok Kemang]
13. “ Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]
14. “ Dato’ Mansor bin Othman [Nibong Tebal]
15. “ Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri]
16. “ Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid, P.A.T., P.C.M., S.M.S., A.C.M., A.M.S., K.M.N., K.A.T., P.P.A., P.P.P. [Lumut]
17. “ Dato’ Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]
18. “ Datuk Mohd Idris bin Jusi, A.M.N., A.M.S., D.S.M., D.M.S.M. [Batu Pahat]
19. “ Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]
20. “ Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]
21. “ Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]
22. “ Tuan R. Sivarasa [Subang]
23. “ Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]
24. “ Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
25. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong, D.M.P.M. [Wangsa Maju]
26. “ Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail, D.P.P.N. [Permatang Pauh]
27. “ Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
28. “ Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]
29. “ Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]

#### **AHLI-AHLI (DAP)**

1. Yang Berhormat Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]
2. “ Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]
3. “ Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]
4. “ Tuan Er Teck Hwa [Bakri]
5. “ Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]
6. “ Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]
7. “ Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]

8. Yang Berhormat Tuan Ko Chung Sen [Kampar]
9. “ Tuan Liew Chin Tong [Kluang]
10. “ Tuan Lim Guan Eng [Bagan]
11. “ Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]
12. “ Tuan Lim Lip Eng [Segambut]
13. “ Tuan Loke Siew Fook [Seremban]
14. “ Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]
15. “ Dato’ Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]
16. “ Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]
17. “ Tuan Nga Kor Ming [Taiping]
18. “ Dato’ Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas]
19. “ Dr. Ong Kian Ming [Serdang]
20. “ Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]
21. “ Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]
22. “ Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]
23. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]
24. “ Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]
25. “ Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]
26. “ Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]
27. “ Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]
28. “ Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]
29. “ Tuan Tan Kok Wai [Cheras]
30. “ Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]
31. “ Tuan Teo Kok Seong [Rasah]
32. “ Puan Teo Nie Ching [Kulai]
33. “ Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]
34. “ Tuan Wong Ling Bui [Sarikei]
35. “ Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]
36. “ Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]
37. “ Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]

#### **AHLI-AHLI (PAS)**

1. Yang Berhormat Dato’ Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]
2. “ Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]
3. “ Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]

4. Yang Berhormat Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]
5. “ Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]
6. “ Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]
7. “ Dato’ Haji Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena]
8. “ Dato’ Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P. [Kuala Nerus]
9. “ Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]
10. “ Dato’ Dr. Nik Mazian Nik Mohamad, D.J.M.K [Pasir Puteh]
11. “ Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]
12. “ Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]
13. “ Dato’ Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu]
14. “ Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]

**AHLI-AHLI (AMANAHAH)**

1. Yang Berhormat Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]
2. “ Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]
3. “ Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]
4. “ Dato’ Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]
5. “ Dato’ Raja Kamarul Bahrin Shah, D.P.M.T [Kuala Terengganu]
6. “ Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]

**PSM**

1. Yang Berhormat Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]

**BEBAS**

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato’ Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, P.S.M., D.P.M.S., D.S.A.P. [Bandar Tun Razak]

**PARLIMEN MALAYSIA****Ketua Pentadbir Parlimen**

Datuk Awang Alik bin Jeman

**Setiausaha Dewan Rakyat**

Datuk Roosme binti Hamzah

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**

Encik Mohd Sazali bin Mohd Zin

**PETUGAS-PETUGAS  
CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd Hassan  
Rosna binti Bujairomi  
Nor Hamizah binti Haji Hassan  
Noraidah binti Manaf  
Siti Norlina binti Ahmad

Suriyani binti Mohd. Noh  
Nor Liyana binti Ahmad  
Zatul Hijanah binti Yahya  
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir  
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan  
Hafilah binti Hamid  
Siti Norhazarina binti Ali  
Mulyati binti Kamarudin  
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli  
Sherliza Maya binti Talkah  
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Azmir bin Mohd Salleh  
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa  
Nor Kamsiah binti Asmad  
Siti Zubaidah binti Karim  
Aifarina binti Azaman  
Noorfazilah binti Talib  
Farah Asyraf binti Khairul Anuar  
Julia binti Mohd. Johari  
Syahila binti Ab Mohd Khalid  
Ismalinda binti Ismail  
Hazliana binti Yahaya  
Amir Arshad bin Ab Samad  
Sharifah Raabiatul Adawiyah binti Syed Mohamed  
Nik Nor Nazrin binti Nik Ab Rahman  
Nurul Fadhilah binti Ibhari  
Hizamihatim Maggiha bin Juara

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
KAMAR KHAS  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KEEMPAT  
MESYUARAT KEDUA**

**Isnin, 16 Mei 2016**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Penyata Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat, Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat (D.R. 2/2016) yang telah diluluskan pada Khamis, 7 April 2016 yang lalu. Dalam penyata tersebut, ada terkandung sembilan cadangan pindaan kepada peraturan mesyuarat iaitu Peraturan Mesyuarat 13, 14, 16, 17, 18, 22, 24, Peraturan Mesyuarat baru 14A dan Peraturan Mesyuarat baru 24A, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

Kamar Khas adalah ditubuhkan untuk menimbangkan perkara yang dirujuk kepada mereka seperti berikut:

- (a) ucapan berkenaan dengan apa-apa perkara tadbir dalam tanggungan kerajaan di bawah Peraturan Mesyuarat 17;
- (b) perkara tertentu berkepentingan orang ramai di bawah Peraturan Mesyuarat 18.

Semua Ahli Majlis terdiri ahli Kamar Khas. Manakala cukup bilang Kamar Khas hendaklah tiga orang ahli dan terdiri daripada:

- (a) Tuan Yang di-Pertua;
- (b) seorang Ahli yang mengeluarkan usul; dan
- (c) seorang Ahli Kerajaan.

Kamar Khas juga boleh bermesyuarat pada bila-bila masa semasa persidangan Majlis sebagaimana yang ditentukan oleh Tuan Yang di-Pertua.

Pada bila-bila masa Kamar Khas bersidang, Tuan Yang di-Pertua boleh meminta seseorang Ahli mempengerusikan Kamar Khas buat sementara dengan tidak payah diberitahu Kamar Khas dengan secaranya dan ahli yang mempengerusikan tetaplah terserah kepadanya semua kuasa-kuasa Tuan Yang di-Pertua sehingga Tuan Yang di-Pertua balik semula mengetuakan Kamar Khas.

Sehubungan dengan itu, pada Mesyuarat Kedua Dewan Rakyat yang bermula pada hari ini, iaitu Isnin, 16 Mei 2016 dapat memulakan urusan dalam Kamar Khas di mana agenda utamanya adalah bagi membincangkan urusan-urusan berkenaan perkara tadbir kerajaan.

Hari ini adalah merupakan detik yang sangat bersejarah bagi sidang Dewan Rakyat. Kamar Khas ini akan berlangsung selaras dengan pindaan-pindaan Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat yang telah diluluskan.

Saya juga ingin menarik perhatian kepada semua Ahli Yang Berhormat agar dapat memanfaatkan perbincangan di Kamar Khas ini dengan sebaik mungkin. Terima kasih.

### **UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

#### **Klinik 1Malaysia di Jakar, Sarikei dan Masalah Poliklinik Sarikei.**

**2.36 ptg.**

**Tuan Wong Ling Biu [Sarikei]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat petang dan terima kasih kepada semua rakan serta terutamanya rakan-rakan di belakang yang menyokong saya.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat sebuah klinik 1Malaysia di kawasan Parlimen Sarikei yang terletak di Pekan Jakar, Sarikei. Akan tetapi pada hakikat, Klinik 1Malaysia tersebut tidak dapat memberikan rawatan seperti mana yang diharapkan. Ini disebabkan klinik tersebut tidak mempunyai pegawai perubatan, doktor. Klinik ini hanya dapat merawat penyakit atau masalah kesihatan yang ringan saja. Ini bererti pesakit-pesakit yang mengalami penyakit atau masalah kesihatan yang serius dikehendaki dihantar ke poliklinik atau Hospital Sarikei.

Keadaan sebegini cukup menyukarkan pesakit-pesakit untuk mendapatkan rawatan. Saya merayu kepada Kementerian Kesihatan agar mendapatkan seorang doktor untuk memberi rawatan yang lebih sempurna. Di samping itu dengan ada seorang doktor yang berkhidmat di Klinik 1Malaysia tersebut yang akan mengurangkan jumlah pesakit pergi ke Poliklinik Sarikei.

Pesakit-pesakit yang datang dari kawasan berhampiran dapat mendapatkan rawatan di Klinik 1Malaysia tersebut. Poliklinik Sarikei yang sedia ada sekarang tidak mencukupi menampung keperluan pesakit-pesakit kerana bangunan poliklinik yang sedia ada sekarang adalah sangat kecil.

Poliklinik yang sedia ada tidak mempunyai kemudahan-kemudahan seperti pegawai perubatan yang tidak mencukupi, tiada alat hawa dingin, ruangan menunggu giliran pesakit yang sesak dan sebagainya. Pesakit-pesakit yang datang dengan begitu ramai terutama pada hari Isnin dan hari pertama selepas cuti umum untuk mendapatkan rawatan menghadapi kesusahan dan kerumitan yang ketara.

#### ■1440

Saya merayu kepada Kementerian Kesihatan untuk mengkaji sama ada bangunan lama Hospital Sarikei masih boleh digunakan untuk tujuan membesarkan ruangan Poliklinik Sarikei. Sekiranya bangunan hospital lama Sarikei tidak sesuai untuk tujuan tersebut, kerajaan sepatutnya mencari cara alternatif untuk menyelesaikan masalah kesesakan poliklinik yang sedia ada.

Kerajaan pernah membeli tanah seluas 10 ekar di Simpang Jalan Payung untuk membina satu lagi poliklinik tetapi sampai hari ini kami masih belum nampak apa-apa perkembangan tentang projek pembinaan poliklinik tersebut. Saya ada ramai penduduk di kawasan Parlimen saya ingin tahu, apakah sebab pembinaan poliklinik baru masih belum dilaksanakan? Untuk menyelesaikan masalah kesesakan di Poliklinik Sarikei yang sedia ada sekarang, pembinaan sebuah poliklinik yang baru amatlah diperlukan. Sekian terima kasih.

#### 2.41 ptg.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:**  
*Bismillaahi Rahmaani Rahiim.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Sarikei berkenaan dengan perkara yang disebut tadi. Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan penempatan Pegawai Perubatan di Klinik 1Malaysia di Parlimen Sarikei, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KKM sedang melaksanakan penempatan Pegawai Perubatan di Klinik 1Malaysia secara berperingkat. Ini selaras dengan pelaksanaan keluasan skop perkhidmatan yang diberikan di Klinik 1Malaysia.

Sehingga 30 April 2016, sejumlah 38 buah Klinik 1Malaysia telah ditempatkan dengan Pegawai Perubatan. Daripada jumlah ini, hanya 15 orang mempunyai perjawatan tetap manakala selebihnya merupakan penempatan secara pusingan ataupun *rotational basis* dari *facility* kesihatan sedia ada. Jumlah Klinik 1Malaysia ialah 338 buah sehingga sekarang Tuan Yang di-Pertua dan terdapat 34 di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, penempatan Pegawai Perubatan di Klinik 1Malaysia secara tetap melibatkan sumber dan sokongan dari pelbagai pihak.

Ini kerana penempatan Pegawai Perubatan akan turut melibatkan penambahan anggota kumpulan sokongan di Klinik 1Malaysia khususnya Penolong Pegawai Farmasi bagi tujuan penyediaan ubat serta penambahan ruang di Klinik 1Malaysia sedia ada. Untuk itu sokongan dari JPA dan Kementerian Kewangan perlulah bagi menjayakan program ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menempatkan seorang doktor, mesti ada 15 orang pegawai sedia ada di klinik termasuklah *nurses, pharmacist, MA* dan sebagainya. Jadi oleh itu, KKM sedang memohon perjawatan tambahan untuk menempatkan seorang doktor di Klinik 1Malaysia tersebut. Juga termasuk yang saya sebutkan tadi dan lain-lain anggota, jumlah semua itu 15 orang.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Poliklinik Sarikei pula. Untuk makluman Yang Berhormat, Klinik Kesihatan Sarikei yang sedia ada sekarang diakui mempunyai keluasan yang kecil dan terhad. Keluasan yang terhad ini menyebabkan klinik agak sesak dengan purata kedatangan harian pesakit adalah seramai 560 orang pada tahun 2015.

Walau bagaimanapun, jumlah Pegawai Perubatan yang sedang berkhidmat adalah mencukupi iaitu seramai sembilan orang dan termasuk seorang lagi pakar perubatan keluarga. Klinik yang sedia ada mempunyai kemudahan penghawa dingin tetapi tidak disediakan di ruangan menunggu kerana faktor kawalan *infantry cross infection*, Tuan Yang di-Pertua. Walaupun tiada alat penghawa dingin di ruangan menunggu, kipas angin ada disediakan untuk pesakit yang menunggu giliran sebelum dilihat oleh Pegawai Perubatan.

Bagi mengatasi masalah kesesakan pesakit dan kekurangan ruang di Klinik Kesihatan Sarikei, Kementerian Kesihatan Malaysia telah pun merancang untuk membina sebuah lagi klinik kesihatan (Jenis 3) ataupun *Type 3*, dengan kuarters, *you know*, di dalam kawasan Hospital Sarikei yang baru di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas.

Pada masa ini tanah di Hospital Sarikei lama perlu diserahkan semula kepada kerajaan negeri. Walau bagaimanapun, permohonan telah dikemukakan kepada *State Planning Authority* untuk mengekalkan sebahagian daripada *facility* yang ada dalam kawasan hospital lama seperti Pejabat Farmasi Bahagian Sarikei, Pejabat Kesihatan Daerah Sarikei, *flat* dan kuarters Klinik Kesihatan Sarikei. Tiada cadangan untuk menggunakan hospital lama kecuali untuk mengekalkan *facility* yang terdapat di atas tanah tersebut supaya fungsi *facility* tersebut masih dapat dijalankan di Sarikei. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

## Nasib Penoreh Getah di Kedah Mesti Dibela

2.45 ptg.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** *Bismillaahi Rahmaani Rahiim.* Tuan Yang di-Pertua terima kasih kerana memberi peluang untuk saya mengambil bahagian dalam hari yang bersejarah ini.

Terdapat sekitar 30,000 orang penoreh getah di Kedah. Pada masa ini kehidupan mereka amat tertekan. Ini berpunca daripada hasil pengeluaran getah yang kurang kerana cuaca panas dan ditambah pula dengan harga getah skrap yang amat murah sekitar RM2 sekilo. Di Kedah, purata seorang penoreh menoreh dalam keluasan tiga hingga lima relung. Hasil dari torehan ini sekitar 10 kilo hingga 15 kilo. Ini bermakna pendapatan penoreh ini sekitar RM20 hingga RM30 sehari dan jika kebun ini dipajak maka pendapatan dibahagi dua.

Akibat daripada pendapatan yang terlalu rendah ini ramai penoreh getah di Kedah hidup dalam kesempitan yang amat. Rata-rata penoreh mempunyai keluarga yang ramai. Dilaporkan ada daripada anak-anak penoreh terpaksa berhenti sekolah kerana ibu bapa tidak mampu menghantar kesemua mereka ke sekolah kerana kos yang tinggi. Ikutan dari itu, kualiti makanan penoreh dan anak-anak juga menurun.

Kerajaan mesti mengambil tindakan segera bagi memastikan keadaan ini tidak berlarutan. Adalah dicadangkan kerajaan mengambil tindakan dengan menetapkan harga lantai getah skrap kepada RM4 sekilo. Jika ini dapat dilakukan bermakna pendapatan bulanan penoreh adalah di sekitar RM40 hingga RM60 sehari. Pendapatan yang dianggap munasabah. Kerajaan juga boleh memperkenalkan sistem kupon makanan bulanan dengan nilai RM300 sebulan untuk setiap isi rumah. Ini bermakna walaupun harga getah amat rendah, kupon makanan akan memastikan makanan asas tidak terputus dan kualiti agak terjamin. Sistem ini bolehlah dihentikan bila mana harga getah kembali stabil melepasi RM4 sekilo. Kerajaan juga mesti mengambil tindakan pantas dengan mempercepatkan dan memperbanyakkan kajian-kajian ke atas barang-barang berasaskan getah.

Berhubung dengan kegunaan getah dan bahan binaan jalan telah lama diumumkan, apakah hasilnya? Universiti dan institusi kajian hendaklah ditawarkan insentif yang tinggi untuk membuat kajian dan memasarkan hasil kajian mereka ke atas barangan yang berasaskan getah. Kerajaan juga hendaklah mengambil langkah agresif dalam menggalakkan pihak swasta mengambil bahagian dalam kajian-kajian, menawarkan berbagai-bagai insentif kepada mereka.

Dengan banyak pihak mengambil bahagian, universiti, institusi dan swasta barulah permintaan kepada getah akan meningkat dan pendapatan kepada penoreh akan lebih terjamin dan stabil. Jika tiada tindakan segera diambil maknanya kita sedang menyaksikan kehancuran masa depan anak-anak penoreh dalam jumlah yang besar.

Mereka sedang membesar dengan penuh kepayahan tanpa pelajaran yang cukup, tanpa makanan yang berkualiti. Generasi ini akan mewarisi kemiskinan yang sebelum ini dilalui oleh orang tua mereka dan majoriti daripada mereka ialah anak-anak bumiputera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**2.49 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahi Rahmaani Rahiim.* Salam- *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan amat prihatin terhadap ketidakstabilan harga getah ekoran permintaan yang lembap dari negara-negara pengimport utama. Di samping itu, Malaysia sebagai pengeluar keenam terbesar dunia tidak dapat secara bersendirian memperkukuhkan harga getah.

■1450

Bagi membantu pekebun kecil menangani ketidakstabilan harga, cadangan mewujudkan harga lantai adalah tidak bersesuaian. Ini adalah kerana pelaksanaan mekanisme harga lantai tidak akan memanfaatkan golongan sasaran dan mempunyai implikasi-implikasi seperti berikut:

- (i) memerlukan sumber kewangan yang tinggi bagi menyokongnya sekiranya harga getah asli dunia mengalami trend penurunan yang mendadak;
- (ii) menyediakan ruang kepada aktiviti spekulasi harga di mana para pedagang getah akan menekan harga ke paras rendah dengan mengambil kira bahawa kerajaan akan menampung perbezaan di antara harga pasaran dan harga lantai; dan
- (iii) menyediakan ruang kepada aktiviti penyeludupan getah dari luar negara memandangkan harga tempatan adalah lebih tinggi berbanding dengan harga antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada hakikat tersebut, kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah jangka pendek dan jangka panjang supaya kebajikan pekebun kecil getah dilindungi. Pada tahun 2015, kerajaan telah melaksanakan Insentif Pengeluaran Getah (IPG). Pelaksanaan IPG adalah berunsur kepada penetapan harga lantai kerana IPG akan diaktifkan apabila purata harga bulanan SMR20 pada bulan sebelumnya adalah kurang dari RM5.50 sekilogram atau harga di peringkat ladang untuk getah sekerap adalah di bawah RM2.20 sekilogram. Bagi maksud ini, peruntukan sebanyak RM200 juta disediakan.

Pelaksanaan IPG ini merupakan kaedah yang berpatutan bagi membantu golongan sasaran di samping berunsurkan mekanisme harga lantai iaitu pemberian insentif dalam bentuk perbezaan di antara Paras Harga Pengaktifan ataupun PHP dengan harga pasaran. Insentif ini juga bersifat serampang dua-mata iaitu meringankan beban pekebun kecil di seluruh negara kesan daripada kejatuhan harga getah.

Di samping memberi galakan kepada mereka untuk terus menoreh sewaktu harga getah rendah di pasaran. Walau bagaimanapun, IPG ini hanya dibayar kepada pekebun kecil yang mempunyai Permit Autoriti Transaksi Getah ataupun PAT-G sahaja.

Di bawah peraturan-peraturan Lembaga Getah Malaysia, Bahagian Pelesenan dan Permit 2014, pekebun-pekebun kecil yang menjalankan urusan niaga getah diwajibkan untuk memiliki PAT-G ini. PAT-G dikeluarkan dalam bentuk kad dan diberikan secara percuma kepada pekebun-pekebun kecil getah yang berdaftar.

Sehingga 30 April tahun 2016, sebanyak 107,930 permohonan telah diluluskan untuk pengagihan IPG yang melibatkan peruntukan sebanyak RM16.5 juta. Bagi negeri Kedah sahaja, sebanyak 2,802 permohonan telah diluluskan dan RM259,000 jumlah yang telah diagihkan. Bagi menuntut IPG, pemilik kebun perlu memiliki kad Permit Autoriti Transaksi Getah (PAT-G) tadi dan kad PAT-G hanya akan dikeluarkan kepada pemilik kebun mengikut geran tanah.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun bagi pemilik kebun yang mempunyai lebih daripada seorang penoreh, surat kebenaran dan pengesahan daripada pemilik kebun perlu dikeluarkan bagi menyatakan butiran dan lot yang ditoreh oleh penorehnya. Pangkalan data PAT-G adalah komprehensif yang juga merupakan rujukan bagi pihak kerajaan merangka dasar berkaitan pekebun kecil dan pengagihan insentif. Untuk memastikan lebih ramai pekebun kecil getah menuntut IPG, Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi melalui Lembaga Getah Malaysia ataupun LGM telah mempergiatkan program promosi seperti berikut:

- (i) Program Sembang Warung iaitu 14 program telah diadakan di seluruh negara dengan empat di negeri Kedah;
- (ii) program penerangan IPG dan pendaftaran kad PAT-G. 282 program telah diadakan di seluruh negara dengan 24 program telah diadakan di negeri Kedah;
- (iii) program di televisyen seperti Selamat Pagi Malaysia, rancangan Biz Malaysia;
- (iv) rancangan temu bual di radio peringkat nasional dan negeri; dan
- (v) bekerjasama dengan Persatuan Kebangsaan Pekebun-pekebun Kecil Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga sentiasa memberi perhatian kepada aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan ataupun R&D ke arah menghasilkan dan mempelbagaikan produk-produk baru berasaskan getah asli. Bagi tahun 2016, peruntukan sebanyak RM7.28 juta telah disediakan untuk LGM bagi membiayai aktiviti-aktiviti R&D. Antara fokus yang diberi untuk meningkatkan penggunaan getah asli di dalam negara termasuk:

- (i) pengkomersialan *cup lump modified bitumen* untuk pembinaan jalan raya berasaskan getah;
- (ii) penghasilan produk-produk hiliran, bahan termaju dan teknologi mesra alam berasaskan lateks yang bernilai tinggi. Ini termasuk sarung tangan, kondom dan kateter; dan
- (iii) menggalakkan penghasilan produk-produk getah yang menepati piawai antarabangsa bagi memudahkan akses pasaran.

Di samping itu, kerajaan juga dalam usaha untuk mempelbagaikan kegunaan getah serta meningkatkan penggunaan getah dalam negara. Salah satu caranya melalui pembinaan jalan raya berasaskan getah. Sasaran pembinaan jalan raya menggunakan teknologi *rubber rise road*, dengan izin, pada tahun 2016 adalah sepanjang 772 kilometer yang meliputi jalan-jalan persekutuan, negeri, kampung dan ladang di seluruh negara dengan anggaran penggunaan getah sebanyak 1,620 tan. Penggunaan getah bagi teknologi *rubber rise road*, dengan izin, dapat meningkatkan permintaan domestik di samping meningkatkan pendapatan pekebun kecil melalui penghasilan bahan getah mentah khususnya untuk pembinaan jalan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan terus memantau keadaan semasa harga getah dan mengambil tindakan-tindakan proaktif bagi menangani ketidakstabilan harga. Ini adalah memandangkan terdapat hampir lebih 300,000 orang pekebun kecil dan penoreh getah di mana harga yang rendah akan menjejaskan kebajikan golongan ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat berkaitan dengan Peraturan Mesyuarat 1 dan 2 berkenaan dengan kuasa Tuan Yang di-Pertua untuk menentukan tempat-tempat duduk ahli-ahli wakil rakyat di Dewan Rakyat ini. Memandangkan sambutan yang amat baik kepada Kamar Khas ini dan oleh sebab Tuan Yang di-Pertua ada kuasa mengikut peraturan mesyuarat dan memandangkan bahawa Dewan ini tidak boleh dibesarkan lagi, saya ingin mencadangkan Tuan Yang di-Pertua menimbangkan supaya meja yang kedua ini ditiadakan supaya satu lagi barisan kerusi boleh ditambah.

Keduanya, kerusi ini bukan kerusi satu-satu tapi *bench sit*, kerusi bangku seperti di mahkamah supaya boleh memuatkan lebih ramai khususnya ahli-ahli pembangkang yang lebih berminat nampaknya Tuan Yang di-Pertua untuk hadir dalam Kamar Khas ini. Mencadangkan, terima kasih [*Tepuk*].

**Tuan Yang di-Pertua:** Mudah-mudahan mesyuarat kita pada hari esok, kehadiran itu adalah lebih ramai daripada hari ini. Kekhawatiran saya ialah kehadiran hari ini oleh sebab hari ini hari pertama dan merupakan satu-saya tidak ada masalah kalau itu merupakan satu penyelesaian kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya bersetuju. Jadi kalau tidak ada bantahan daripada pihak kerajaan bahawa cara kita duduk ini serupa begini, saya tidak ada masalah. Cuma yang kita boleh buat ialah arah kepada pegawai-pegawai Parlimen untuk angkat meja-meja itu sahaja.

Boleh. Yang Berhormat Menteri, boleh.

*[Ahli-ahli berbincang]*

Cuma ada satu input tadi daripada Setiausaha Dewan Rakyat iaitu yang perbincangan ini di bawah Peraturan Mesyuarat 17. Kalau nanti Peraturan Mesyuarat 18, memang ada 2, 3 orang ahli yang ingin bahas pada ketika itu. Akan tetapi kalau kita boleh atur di mana yang membahaskan itu saja duduk di depan, yang lain di belakang. Itu boleh, kita boleh *accomodate*.

Kalau boleh saya mahu cokeram itu dimajukan di depan lagi supaya Bentara boleh duduk di belakang cokeram. Kalau boleh kita bawa lagi di depan. Saya tidak ada masalah dengan itu. Saya setuju. Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Selasa, 17 Mei 2016. Sekian, terima kasih.

***[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 3.01 petang.]***